

07/01/2005

`Air Untuk Acehh'

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, menerusi Biro Hubungan Antarabangsa dan Badan Bukan Kerajaan melancarkan kempen `Air Untuk Acehh' bagi membantu mangsa tsunami di wilayah berkenaan.

Pengerusi biro, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata bekalan air bersih amat diperlukan mangsa tsunami di Aceh ketika ini berbanding keperluan lain.

"Pemuda Umno mensasarkan setiap keluarga menyumbang satu kotak air mineral bagi menjayakan kempen ini," katanya pada sidang media ketika melancarkan kempen berkenaan di Pejabat Pergerakan Pemuda Umno, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini semalam.

(END)